



Harga asli, rupanya palsu

Jam tangan 'berjenama' RM1.4 juta dirampas

AZEEM menunjukkan antara jam jenama tiruan yang dirampas.

Oleh Rosyahaida Abdullah
 am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Nilai jam tangan tiruan berjenama terkenal itu dianggarkan harganya RM1,000 namun dijual pada harga mencecah

RM14,000. Itu 'untung atas angin' diperoleh sindiket penjualan jam tangan tiruan di ibu kota sejak sekian lama sebelum ditumpaskan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL), kelmarin.

Menyerusi Op Jeriji dijalankan bermula jam 4 petang di Jalan Raja Laut dan Jalan Petaling, di sini, ratusan unit jam tangan pelbagai jenama tiruan dirampas hasil risikan sejak sebulan lalu. Selain jam tangan turut dirampas dalam tiga serbuan berasingan itu adalah beg tangan, dompet dan kasut tiruan dengan nilai sitaan keseluruhan lebih RM1.4 juta membabitkan 2,762 unit barangan. Ketua Pegawai Penguatkuasa Negeri, Azeem Nazuri berkata, serbuan dijalankan selepas pihaknya menerima aduan awam serta pemilik cap dagang sendiri mengenai kegiatan

penjualan barangan tiruan pada harga tinggi. Menurutnya, kegiatan itu ternyata menjejaskan keuntungan pemilik cap dagang malah secara tidak langsung melanggar hak kepentingan pengguna dalam memiliki barangan asli. "Mereka (sindiket) dipercayai tidak menasarkannya warga tempatan sebaliknya pelancong asing untuk menjual barangan tiruan begini, antaranya dipakainya cap dagangan secara salah menggunakan jenama Gucci, Michael Kors, Swarovski, Cartier, Dior, Hermes dan sebagainya. "Hasil operasi, dua wanita tempatan berumur 37 dan 45 tahun ditahan di premis perniagaan yang diserbu di Jalan Raja Laut dan kedua-dua mereka direman tiga hari bermula hari ini. "Manakala dua lagi stor simpanan, tiada sesiapa dikesan di sana, sama ada memang tiada sesiapa di situ atau mereka sudah melarikan diri lebih awal," katanya kepada Harian Metro. Operasi membabitkan 15 pegawai KPDNHEP WPKL serta beberapa wakil pemilik cap dagang berdaftar melakukan pemeriksaan serentak di sebuah premis runcit dan dua stor simpanan. Kes disiasat mengikut Seksyen 102.(1) (b) Akta Cap Dagangan 2019 yang boleh didenda sehingga RM30,000 bagi setiap barang atau dipenjara sehingga lima tahun atau kedua-duanya. Menurut Azeem, operasi itu adalah kes ketujuh KPDNHEP WPKL membabitkan Akta Cap Dagangan 2019 tahun ini sejak ia mula dikuatkuasakan akhir Disember lalu.